

No. Soalan: 23
PR-1353-L03297

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **DATO' NGEH KOO HAM**
[BERUAS]

TARIKH : **24 Oktober 2017**

SOALAN : **Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan statistik terperinci berkenaan warganegara Malaysia yang ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia di atas tuduhan menceroboh sempadan Maritim di kawasan Selat Melaka dari tahun 2013 hingga kini. Berapakah jumlah warganegara Malaysia yang kini masih ditahan di Indonesia, yang telah didakwa di Mahkamah Indonesia dan yang disabitkan kesalahan serta yang telah dilepaskan dan kembali ke Malaysia.

51

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beruas atas pertanyaan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sejak tahun 2013, terdapat seramai 42 orang warganegara Malaysia yang ditahan oleh pihak berkuasa Indonesia di Selat Melaka atas kesalahan pencerobohan sempadan maritim negara Malaysia – Indonesia. Penahanan para nelayan warganegara Malaysia adalah lebih tertumpu di kawasan perairan Kepulauan Riau iaitu seramai 41 orang, manakala seorang lagi ditahan di kawasan perairan Medan.

3. Dari jumlah tersebut, seramai 30 orang telah dibebaskan, enam (6) orang telah selesai menjalani hukuman dan sedang menunggu proses deportasi, dua (2) orang sedang menjalani hukuman penjara, tiga (3) orang sedang menjalani perbicaraan manakala seorang (1) lagi telah didenda sebanyak 500 juta Rupiah (RM 156,523.86).

4. Bagi para tahanan warganegara Malaysia yang telah selesai menjalani hukuman, pihak berkuasa tempatan dengan kerjasama Konsulat Jeneral Malaysia di Medan atau Konsulat Malaysia di Pekanbaru akan menguruskan proses deportasi para tahanan untuk dihantar pulang ke Malaysia.

5. Konsulat Jeneral Malaysia di Medan dan Konsulat Malaysia di Pekanbaru juga akan membuat lawatan konsular bagi memastikan kebajikan para tahanan warganegara Malaysia terjaga, termasuk dari segi kesihatan dan aspek perundangan tertakluk di bawah undang-undang negara Indonesia. Seterusnya, pihak Konsulat juga akan turut membantu dari segi dokumentasi termasuk menyediakan Sijil Perakuan Cemas bagi membolehkan para tahanan untuk mengadakan perjalanan pulang ke Malaysia setelah selesai menjalani hukuman.

Sekian, terima kasih.